

**INISIATIF PERBANKAN BERASASKAN NILAI DI BIMB: KAJIAN
KES SADAQA HOUSE**

NURUL HANA SOFEA MALIKI, NIK MOHD AZIM NIK AB MALIK, SHAHIDA SHAHIMI*
& SITI AISYAH ZAHARI

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Received 26 March 2025: Revised 25 April 2025: Accepted 27 April 2025

ABSTRAK

Inisiatif *Sadaqa House* oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan contoh pelaksanaan Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-Based Intermediation*, VBI) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyokong pembangunan mampan dalam sektor perbankan Islam. Kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan *Sadaqa House* sebagai inisiatif utama VBI di BIMB serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes, analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bagi tujuan pengumpulan data. Data primer dianalisis menggunakan analisis kandungan dan bertema. Hasil kajian mendapati *Sadaqa House* telah memberi sumbangan penting kepada sektor pendidikan, kesihatan, dan pemeliharaan alam sekitar. Namun demikian, *Sadaqa House* menghadapi cabaran dalam aspek komitmen penerima manfaat dan kekurangan promosi awam bagi tujuan kutipan dana. Kajian ini turut menekankan kepentingan tadbir urus yang kukuh serta strategi pengurusan dana yang lebih berkesan bagi memastikan kesinambungan program *Sadaqa House* dalam jangka panjang.

KATA KUNCI: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD, KAJIAN KES, PERBANKAN ISLAM, KEWANGAN SOSIAL, PENGANTARAAN BERASASKAN NILAI (VBI)

ABSTRACT

The *Sadaqa House* initiative by Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) is an example of the implementation of Value-Based Intermediation (VBI), introduced by Bank Negara Malaysia (BNM) to support sustainable development within the Islamic banking sector. This study aims to explore the role of *Sadaqa House* as a key VBI initiative at BIMB and to identify the challenges faced in its implementation. This study employs a qualitative approach through case study methods, document analysis, and semi-structured interviews for data collection. The primary data were analyzed using content and thematic analysis. The findings indicate that *Sadaqa House* has made significant contributions to the education, healthcare sectors, and environmental preservation. However, *Sadaqa House* faces challenges in terms of beneficiary commitment and a lack of public promotion for fundraising purpose. This study also emphasizes the importance of strong governance and more effective fund management strategies to ensure the long term sustainability of *Sadaqa House* program.


KEYWORDS: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD, CASE STUDY, ISLAMIC BANKING, VALUE-BASED INTERMEDIATION (VBI)

* CORRESPONDING AUTHOR: Shahida Shahimi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia, E-mail: shahida@ukm.edu.my

1. PENGENALAN

Pertumbuhan industri perbankan dan kewangan Islam di Malaysia semakin mengukuh melalui usaha berterusan dalam menyokong ekonomi yang mampan, inklusif dan pelbagai. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM – 2023), pembiayaan Islam mencatatkan bahagian pasaran sebanyak 45.6% dengan kadar pertumbuhan tahunan 7.7%. Sementara itu, deposit Islam dan akaun pelaburan mencapai bahagian pasaran 42% dengan kadar pertumbuhan 6% (BNM, 2023). Dalam pada itu, aset dana takaful pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.6%, dengan jumlah aset keseluruhan bernilai RM46.1 bilion (rujuk Rajah 1).

Salah satu inisiatif penting yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memperkukuh industri perbankan dan kewangan Islam ialah Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation, VBI*). VBI yang diperkenalkan pada tahun 2017 bertujuan untuk mengukuhkan peranan institusi kewangan Islam dalam mencapai objektif Syariah (Mahadi *et al.*, 2019) dan mengekalkan *raison d'être* kewangan Islam (Hassan & Mohamad Nor, 2019) yang melangkaui pematuhan Syariah semata-mata. Menurut laporan BNM (2023), pengintegrasian VBI dalam strategi perniagaan bank-bank Islam telah memberikan sumbangan positif kepada individu, isi rumah, dan perniagaan termasuk perusahaan mikro, dengan penyaluran berjumlah RM433.8 bilion antara tahun 2017 hingga 2022. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi adalah untuk memastikan pertumbuhan ini seiring dengan impak sosial yang bermakna.



RAJAH 1: PERTUMBUHAN INDUSTRI PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM PADA TAHUN 2023

Sumber: Bank Negara Malaysia (2023)

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), sebagai pelopor perbankan Islam di Malaysia, telah mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan VBI melalui pelbagai inisiatif, termasuk penubuhan *Sadaqa House* pada tahun 2018. *Sadaqa House* berfungsi sebagai platform kewangan sosial Islam yang bukan hanya berperanan sebagai medium kutipan sedekah, malah turut mempromosikan inovasi dana berterusan (*perpetual fund*). Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan kesan sosial jangka panjang, dengan fokus utama kepada pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, dan kelestarian alam sekitar. Namun begitu, kajian oleh Hameed *et al.* (2018) mendapati bahawa pada fasa awal penubuhannya, *Sadaqa House* hanya menumpukan satu teras VBI iaitu pemeraksanaan komuniti, dengan tumpuan kepada pembangunan ekonomi ummah. Hal ini mungkin berpunca daripada garis panduan

VBI yang masih kabur (Ismail *et al.*, 2020), seterusnya menimbulkan cabaran ketara bagi pengamal dalam memahami dan melaksanakan prinsip-prinsipnya.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan *Sadaqa House* sebagai inisiatif utama *VBI* di BIMB serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Di samping itu, kajian ini turut mengkaji bagaimana *Sadaqa House* dapat memberikan impak sosial dan ekonomi yang signifikan dalam jangka masa panjang. Kajian ini berpotensi untuk memperkukuh kedudukan *Sadaqa House* sebagai contoh inisiatif kewangan sosial yang inovatif, yang mampu menyumbang kepada pembangunan komuniti yang mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*SDGs*). Dengan meneliti implikasi jangka panjang *VBI* terhadap kemampanan ekonomi dan sosial, kajian ini menyediakan asas penting bagi pengukuhan strategi kewangan mampan dalam perbankan Islam, yang bukan sahaja berorientasikan keuntungan malah turut memberi impak menyeluruh kepada masyarakat dan alam sekitar.

Susunan kajian ini diteruskan dengan bahagian kedua yang membincangkan tinjauan literatur. Seterusnya, bahagian ketiga menghuraikan metodologi kajian, diikuti oleh bahagian keempat yang membentangkan dapatan serta perbincangan kajian. Akhir sekali, bahagian kelima merumuskan kajian dan mengemukakan cadangan penyelidikan masa hadapan.

2. TINJAUAN LITERATUR

Pengantaraan Berasaskan Nilai

Konsep *VBI*

Bagi memperkukuh peranan dan impak Institusi Perbankan Islam, BNM telah mencadangkan beberapa strategi untuk menonjolkan institusi perbankan Islam sebagai agen perubahan positif yang lebih terkemuka dalam sistem kewangan Malaysia. Pada Julai 2017, BNM dengan kerjasama industri kewangan Islam di Malaysia, telah menerbitkan kertas strategi mengenai *VBI*. *VBI* ialah fungsi pengantaraan yang bertujuan untuk mencapai matlamat syariah melalui amalan, etika, dan tawaran yang menjana impak positif serta mampan terhadap ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar sejajar dengan pulangan mampan kepada pemegang saham dan kepentingan jangka panjang (BNM, 2018a; Ramli dan Muhamed, 2018). *VBI* bertujuan untuk membentuk perbankan Islam yang lebih berdaya tahan dan mampan dalam menangani cabaran ekonomi semasa (Mahyudin & Rosman, 2020). Matlamat utamanya adalah untuk memenuhi *maqasid al-syariah*, iaitu objektif utama syariah, yang merangkumi ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar.

Idea *VBI* berasal daripada konsep Perbankan Berasaskan Nilai (*Value-based Banking - VBB*) yang diperkenalkan oleh *Global Alliance for Banking on Value (GABV)* pada tahun 2009 (Mahyudin dan Rosman, 2020). *GABV* adalah rangkaian bebas bank dan koperasi perbankan yang menggunakan kewangan untuk pembangunan mampan bagi golongan yang kurang mendapat perkhidmatan, komuniti, dan alam sekitar. *VBB* bertujuan untuk membentuk sistem perbankan yang lebih telus, menyokong ekonomi, dan mampan dari segi sosial dan alam sekitar (GABV, 2019; Abdul Kadir *et al.*, 2024).

Menurut BNM, *VBI* merupakan strategi untuk menjadikan kewangan Islam lebih daripada sekadar pematuhan syariah, dengan menekankan nilai tambah yang mampan kepada masyarakat secara keseluruhan (Ramli dan Muhamed, 2018). Menerusi pendekatan *VBI* ini, institusi kewangan Islam dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dalam pembangunan sosial dan memenuhi keperluan masyarakat. Hassan dan Mohamad Nor (2019) menjelaskan bahawa *VBI* memastikan pemeliharaan aset melalui pengagihan kekayaan dan perlindungan pemilikan dapat dilakukan secara adil dan saksama. Pendekatan ini selaras dengan rangka kerja *maqasid al-syariah* dan membuka dimensi baharu dalam evolusi sistem perbankan Islam di Malaysia.

Teras utama *VBI*

BNM (2018a) telah menggariskan empat teras utama dalam pelaksanaan VBI iaitu: (1) Minda Keusahawanan (*Entrepreneurial Mindset*); (2) Pemeraksanaan Komuniti (*Community Empowerment*); (3) Tadbir Urus Diri yang Baik (*Good Self-Governance*); dan (4) Amalan Terbaik (*Best Practices*). Rajah 2 menunjukkan teras utama dalam pelaksanaan VBI.



RAJAH 2: TERAS UTAMA VBI

Sumber: BNM (2018a)

Teras minda keusahawanan dalam kerangka VBI memberi penekanan kepada penglibatan lebih aktif institusi perbankan Islam dalam memudah cara aktiviti keusahawanan melalui tawaran perkhidmatan yang holistik. Menurut BNM (2018a), tawaran ini merangkumi bukan sahaja aspek pembiayaan, malah turut meliputi sokongan proaktif seperti khidmat nasihat, infrastruktur pasaran dan rangkaian perniagaan. AIBIM (2022) menegaskan bahawa teras ini turut melibatkan pembangunan produk, alat dan model perniagaan baharu bagi membantu serta menyokong usahawan dan perniagaan.

Pemeriksaan komuniti merupakan teras strategik yang memberi tumpuan kepada usaha memperkasa masyarakat melalui penawaran penyelesaian kewangan yang berimpak positif (AIBIM, 2022). Selaras dengan konsep fardu kifayah dalam Islam, teras ini mencerminkan tanggungjawab institusi perbankan Islam untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan melalui pengagihan kekayaan yang berkesan (BNM, 2018a). Pendekatan ini menuntut pertimbangan yang seimbang antara aspek komersial dan sosial dalam membuat keputusan strategik, melampaui aktiviti tanggungjawab sosial korporat biasa (Hassan dan Mohamad Nor, 2019). Institusi perbankan Islam dapat merealisasikan matlamat ini melalui pembangunan, pembiayaan dan pelaksanaan penyelesaian berkesan terhadap isu-isu yang dihadapi masyarakat, sambil meneroka peluang perniagaan baharu (AIBIM, 2022). Antara contoh inisiatif yang dilaksanakan termasuk pengintegrasian instrumen filantropi wakaf dan sedekah dalam transaksi kewangan Islam (Ismail *et al.*, 2020).

Manakala, teras tadbir urus diri yang baik memfokuskan kepada pemupukan disiplin organisasi dan penglibatan bermakna semua pihak berkepentingan dalam rangka kerja tadbir urus (AIBIM, 2022). Teras ini merangkumi dua komponen utama iaitu tadbir urus inklusif dan tadbir urus sendiri (BNM, 2018a). Dalam aspek tadbir urus inklusif, setiap keputusan yang dibuat oleh institusi perbankan Islam bukan sahaja memberi kesan kepada pemegang saham, malah turut melibatkan pihak berkepentingan yang lebih luas termasuk pelanggan dan pelabur, selaras dengan prinsip *istisharah* atau perundingan (Hassan dan Mohamad Nor, 2019). Sementara itu, tadbir urus sendiri menekankan pembudayaan disiplin diri dalam operasi dan amalan institusi, sejajar dengan prinsip ihsan dari perspektif syariah (BNM, 2018a). Pelaksanaan teras ini dapat direalisasikan melalui pelbagai strategi termasuk penanaman disiplin diri dalam kalangan pemimpin dan kakitangan, pembentukan tingkah laku positif melalui budaya yang baik, dan komitmen berterusan untuk menerapkan amalan terbaik sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa (BNM, 2018b).

Akhirnya, teras amalan terbaik merujuk kepada pengamalan praktis yang bertujuan untuk menambah baik tawaran, proses dan layanan institusi perbankan Islam terhadap pihak berkepentingan termasuk pelanggan dan kakitangan (AIBIM, 2022). Teras ini menekankan kepentingan melindungi hak pihak berkepentingan melalui pendedahan yang adil dan telus dalam semua transaksi dan keputusan, selaras dengan prinsip syariah yang melarang amalan riba dan meminimumkan ketidakpastian (*gharar*) yang berpunca daripada kekurangan maklumat (BNM, 2018a; Hassan dan Mohamad Nor, 2019). Pelaksanaan amalan terbaik memerlukan komitmen berterusan untuk menerapkan piawaian terbaik sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, seperti penyertaan dalam Komuniti Pengamal VB) (*Community of Practitioner – CoP*), *Equator Principles*, dan GABV (BNM, 2018b).

Garis panduan VBI

Prinsip VBI dilaksanakan melalui pelbagai rangka kerja dan inisiatif oleh bank, khususnya rangka kerja Produk dan Perkhidmatan Berimpak Hijau, Sosial, dan Lestari (*Green, Social, Sustainable Impact Products and Services - GSSIPS*) (UNEP-FI, 2019) yang membolehkan bank mencipta inovasi produk dan perkhidmatan untuk mencapai matlamat ekonomi, alam sekitar, dan sosial mereka, sambil menjana pendapatan. Hasil yang diharapkan daripada VBI ini turut dicerminkan dalam Prinsip Perbankan Bertanggungjawab (*Principle of Responsible Banking - PRB*) yang diumumkan oleh UNEP-FI (*International Federation of Accountants - IFAC*, 2022). Walaupun strategi VBI boleh diadaptasi dalam kedua-dua perbankan konvensional dan perbankan Islam, namun tumpuan utama adalah kepada perbankan Islam. Panduan utama bagi pelaksanaan VBI ialah kertas strategi VBI yang diperkenalkan pada tahun 2017. Dalam kertas strategi tersebut, BNM telah menekankan tentang empat teras utama VBI. Institusi perbankan yang menunjukkan komitmen untuk menerima pakai VBI perlu memastikan bahawa produk dan perkhidmatan mereka mempunyai kualiti unik yang menyerlahkan prinsip-prinsip asas VBI (BNM, 2018a). Dalam kertas strategi tersebut juga, BNM telah menetapkan enam hala tuju strategik dengan tujuan memperkukuh ekosistem kewangan Islam di Malaysia, iaitu:

1. Industri perbankan Islam menerima VBI sebagai visi bersama untuk industri;
2. Perbankan Islam dan pihak berkepentingan utama industri bersama-sama menentukan asas-asas VBI sebagai landasan tindakan kolektif;
3. Pengawal selia, bekerjasama dengan pemain industri, memupuk juara berpotensi untuk menonjolkan kejayaan VBI;
4. Industri perbankan Islam meningkatkan pendedahan mengenai niat mereka dalam menerima pakai VBI, disokong dengan strategi pelaksanaan dan laporan prestasi;
5. Pengawal selia, bersama industri perbankan Islam, akan membangunkan dan memperkenalkan kad skor VBI sebagai ukuran kejayaan umum dan pelengkap untuk industri; dan
6. Pembangunan rangkaian berkesan melalui penubuhan komuniti serta kerjasama strategik dengan komuniti berteraskan nilai, rakan kongsi utama, dan pihak berkepentingan.

Selain pengenalan Kertas Strategi VBI, BNM juga telah memperkenalkan tiga lagi dokumen penting untuk membimbing bank Islam iaitu: 1) Panduan Pelaksanaan VBI; 2) Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan VBI (VBIAF) dan 3) Skor VBI (VBISC). Selain itu, BNM turut memperkenalkan Rangka Kerja VBI untuk Takaful (VBIF) yang berfungsi sebagai panduan lengkap bagi pelaksanaan amalan dan nilai VBI dalam sektor takaful, yang terpakai kepada pengendali yang terlibat dalam Takaful Keluarga, Takaful Am, dan Retakaful. Semua dokumen panduan ini mempunyai fungsi khusus untuk mengorientasikan perbankan Islam ke arah merealisasikan objektif syariah selaras dengan agenda kelestarian (Mahadi *et al.*, 2019).

Bagi Panduan Pelaksanaan VBI, garis panduan ini bertujuan untuk menggalakkan pelaksanaan VBI dalam perbankan Islam melalui:

1. Perkongsian teknik perbankan yang berkesan kepada pihak berkepentingan yang lebih luas, dipacu oleh penciptaan impak;

2. Menggariskan 4 fasa pelaksanaan yang menunjukkan pergerakan ke arah landskap kewangan yang diinginkan; dan
3. Meneliti masalah dan isu-isu penting berkaitan pelaksanaan, serta penyelesaian praktikalnya (BNM, 2018a).

Sementara itu, Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan VBI (VBIAF) bertujuan untuk membantu institusi kewangan Islam menilai impak pembiayaan dan pelaburan mereka berdasarkan faktor-faktor sosial, alam sekitar, dan ekonomi. VBIAF menggariskan prinsip-prinsip yang mengawal sistem pengurusan risiko berasaskan impak yang menggambarkan komitmen VBI seperti yang dijelaskan dalam *Corporate-Value Intent (CVI)* (BNM, 2019). Seterusnya, Kad Skor VBI (VBISC) berperanan sebagai alat pengukuran yang membolehkan institusi kewangan Islam menilai prestasi mereka dalam mencapai matlamat VBI. Kad Skor VBI yang dibangunkan bersama oleh BNM dan GABV, bertujuan untuk menyediakan ringkasan komprehensif merangkumi objektif, elemen penting dalam penilaian, dan pendekatan yang dicadangkan untuk pengukuran (BNM, 2018b; Mahyudin dan Rosman, 2020; Engku Abdul Rahman *et al.*, 2022). Bagi meningkatkan nilai perbankan Islam, mereka mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan tahap ketelusan melalui pendedahan impak yang dipertingkatkan. Tujuan laporan prestasi berasaskan impak adalah untuk memberikan pihak berkepentingan pemahaman menyeluruh tentang sumbangan yang dibuat oleh perniagaan dan organisasi yang didorong oleh impak, yang melangkaui pelaporan tradisional dengan merangkumi komponen kewangan dan bukan kewangan (BNM, 2018a). Pendekatan pelaporan ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pihak berkepentingan terhadap impak yang lebih luas yang dihasilkan oleh entiti-entiti ini. Laporan tersebut boleh didedahkan oleh bank Islam melalui Laporan Bersepadu (IR), Laporan Kelestarian, laporan VBI khusus, atau bahagian dalam Laporan Kewangan (BNM, 2018a).

Perbezaan antara VBI, ESG, EF, SRI dan CSR

VBI bukanlah sebuah konsep yang sepenuhnya baharu. Malah, VBI mempunyai persamaan dengan beberapa konsep yang telah lama wujud seperti alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social, and Governance, ESG*), Kewangan Beretika (*Ethical Financing, EF*), Pelaburan Bertanggungjawab Sosial (*Socially Responsible Investment, SRI*) dan Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility, CSR*) (BNM, 2018a). Setiap satu daripada konsep ini memfokuskan pada aspek kelestarian dan etika dalam sektor kewangan (Engku Abdul Rahman *et al.*, 2022; Hassan dan Mohamad Nor, 2019), walaupun dengan pendekatan dan asal-usul yang berbeza.

ESG menyediakan kerangka kerja luas untuk menilai kelestarian, yang merangkumi faktor alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (Singhania dan Saini, 2021). ESG menumpukan pada integrasi faktor-faktor ini ke dalam keputusan pelaburan dan mempromosikan ketelusan serta akauntabiliti melalui pelaporan (Wang *et al.*, 2022). Prinsip kewangan beretika pula memberi tumpuan yang lebih luas terhadap amalan dan tingkah laku beretika, yang merangkumi faktor 3P: *Planet, People*, dan *Profit* (Relano, 2011). VBI juga berbeza dengan CSR, yang mana CSR biasanya terpisah daripada aktiviti perniagaan (berdasarkan asas filantropi) dan tidak menghasilkan sebarang keuntungan kepada institusi (BNM, 2018a). CSR lebih bersifat sukarela dan universal serta tidak terikat dengan prinsip keagamaan. SRI pula adalah istilah umum yang merangkumi sebarang proses pelaburan yang menggabungkan objektif kewangan pelabur dengan keprihatinan mereka terhadap isu-isu ESG (Moghul dan Safar-Aly, 2014).

Sebaliknya, VBI yang dipromosikan oleh BNM menyelaraskan aktiviti perbankan dengan prinsip syariah, menekankan perbankan nilai dan kesan mampan terhadap ekonomi, komuniti, dan alam sekitar (Nik Abdullah dan Haron, 2022). Dengan fokus ini, VBI bukan sahaja mementingkan keuntungan, tetapi juga memberi impak positif terhadap masyarakat dan pemeliharaan alam sekitar. Menurut BNM (2018a), perbezaan utama antara VBI dan konsep-konsep ini terletak pada *raison d'être* (tujuan kewujudan) VBI di mana VBI bergantung pada Syariah dalam menentukan nilai-nilai

asas, tujuan, dan keutamaannya. Perbezaan antara konsep *VBI*, *CSR*, *EF*, *ESG* dan *SRI* dapat dijelaskan secara ringkas dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1: PERBEZAAN ANTARA KONSEP *VBI*, *CSR*, *EF*, *ESG* DAN *SRI*

Konsep	Huraian
<i>VBI</i>	Menekankan pendekatan perbankan berasaskan nilai dan kesan mampan terhadap ekonomi, komuniti, serta alam sekitar dengan memberi keutamaan kepada impak positif terhadap masyarakat dan pemeliharaan alam sekitar, yang berpaksikan Syariah dalam menentukan nilai asas, objektif, dan keutamaannya.
<i>ESG</i>	Menumpukan kepada integrasi faktor alam sekitar, sosial, dan tadbir urus dalam keputusan pelaburan dan mempromosikan ketelusan serta akauntabiliti melalui pelaporan.
<i>EF</i>	Memberi tumpuan yang lebih luas terhadap amalan dan tingkah laku beretika merangkumi faktor 3P: <i>planet</i> , <i>people</i> , dan <i>profit</i> .
<i>SRI</i>	Merupakan istilah umum merangkumi proses pelaburan yang menggabungkan objektif kewangan pelabur dengan keprihatinan mereka terhadap isu-isu <i>ESG</i> .
<i>CSR</i>	Merupakan aktiviti filantropi yang terpisah daripada aktiviti perniagaan serta tidak menjana keuntungan kepada institusi.

Sumber: Olahan penulis (2025)

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes tunggal untuk memahami pelaksanaan Perbankan Berasaskan Nilai di Malaysia melalui inisiatif *Sadaqa House*. Selain itu, kajian kes membolehkan pengkaji menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen (Patton, 2002; Yin, 2009). Reka bentuk ini sesuai dengan pendekatan penerokaan, yang membolehkan pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber untuk mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif (Merriam, 1988, 1998) tentang fenomena pelaksanaan *VBI* dalam konteks sebenar.

Data kajian dikumpul melalui dua sumber utama iaitu temu bual separa berstruktur sebagai data primer dan analisis dokumen sebagai data sekunder. Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana ia memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan sesi temu bual secara berfokus dan terkawal, sambil mengekalkan fleksibiliti untuk menambah soalan susulan berdasarkan perkembangan perbualan (Becker dan Bryman, 2004). Temu bual dijalankan dalam bahasa Melayu mengikut pilihan informan bagi memastikan mereka dapat berkongsi maklumat dengan selesa dan tepat.

BIMB telah dipilih sebagai kajian kes menggunakan kaedah persampelan bertujuan berdasarkan statusnya sebagai institusi perbankan Islam tertua di Malaysia. Seorang pegawai BIMB telah dipilih sebagai informan kajian berdasarkan kepakaran dan penglibatan langsung mereka dalam pelaksanaan *VBI*. Beliau adalah Ustaz Mohd Zikri Mohd Shairy yang merupakan Penolong Pengurus Besar Bahagian Rangkuman Kewangan, BIMB. Beliau merupakan salah seorang yang bertanggungjawab dan terlibat secara langsung dalam merancang serta melaksanakan program *Sadaqa House* di BIMB. Pemilihan informan ini membolehkan pengumpulan data yang mendalam dan bermakna kerana mereka mempunyai pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam bidang ini (Patton, 2002).

Data sekunder pula diperolehi melalui analisis dokumen daripada laman sesawang rasmi BNM dan BIMB, garis panduan *VBI*, laporan *VBI* yang dikeluarkan oleh AIBIM, laporan tahunan dan laporan kemampuan BIMB. Bagi analisis data, kajian ini menggunakan analisis tematik, yang mana data daripada temu bual dan dokumen, dianalisis dengan cara mengekodkan maklumat kepada kategori dan tema tertentu (Sekaran, 2003). Rakaman temu bual telah direkodkan dan ditranskripsikan bagi memudahkan proses pengekstrakan data. Teks transkrip kemudian dikodkan untuk menyusun maklumat berdasarkan tema yang berkaitan dengan objektif kajian. Data sekunder pula dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (Sekaran & Bougie, 2013) untuk mengenal pasti corak dan

trend dalam pelaksanaan VBI di BIMB. Kesahan dan kebolehpercayaan data diperkukuh melalui triangulasi sumber data dan pengesahan pakar.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pada tahun 2014, Dato' Dr. Abdul Halim Ismail telah mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengagihan dana kebajikan dalam Forum Kewangan Islam Global (Hameed *et al.*, 2024). Dana ini merangkumi pelbagai instrumen kewangan Islam seperti Sadekah, Wakaf, dan hibah yang di kumpul daripada sektor swasta untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan (Shahimi *et al.*, 2023). Pelaksanaan inisiatif ini membolehkan institusi perbankan Islam memenuhi objektif ekonomi Islam, khususnya dalam aspek pembasmian kemiskinan dan peningkatan kebajikan ummah. Sehubungan itu, Dato' Dr. Abdul Halim Ismail telah mencadangkan pembentukan produk baharu yang dikenali sebagai *Sadaqa House*.


Dengan erti kata lain, BIMB telah mengambil langkah proaktif dengan menjadi pelopor kepada pengenalan produk dan perkhidmatan berteraskan nilai, sejajar dengan objektif VBI oleh BNM. Pelancaran *Sadaqa House*, yang boleh dianggap sebagai sebuah inisiatif *Start-Up* atau *FinTech*, bermula dengan langkah-langkah strategik yang teliti walaupun berskala kecil, namun memiliki aspirasi yang signifikan untuk perkembangan masa hadapan. BIMB telah menetapkan asas pelaksanaan dan operasi yang jelas, dengan mengenal pasti empat sektor tumpuan utama bagi membezakan *Sadaqa House* daripada platform pendanaan awam yang sedia ada. Sektor-sektor tersebut merangkumi kesihatan, pendidikan, pemeliharaan alam sekitar, dan pemerikasaan komuniti, yang selari dengan konsep *Triple Bottom Line* iaitu *planet*, *manusia* dan *keuntungan*. Oleh itu, dalam usaha mencapai matlamat pembangunan mampan, BIMB telah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai agensi penggerak perubahan, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi-institusi berkaitan bagi menyambut hasrat Dato' Dr. Abdul Halim Ismail. Seterusnya, pada tahun 2018, *Sadaqa House* telah dilancarkan secara rasminya dan menjadikannya inisiatif sulung VBI oleh BIMB (Shahimi *et al.*, 2023).

Pelaksanaan Sadaqa House

Sadaqa House telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam tempoh lima tahun operasinya dari 2019 hingga 2023, dengan kemasukan dana yang meningkat secara drastik daripada RM425,400 kepada RM15,755,070. Sepanjang tempoh 5 tahun ini, *Sadaqa House* telah mentransformasi peranannya sebagai pengantara dalam rangka kerja perbankan Islam dengan menggabungkan pendekatan berasaskan kredit tradisional dan VBI. *Sadaqa House* adalah sebuah inisiatif yang bertujuan menyumbang kembali kepada masyarakat dengan memainkan peranan penting sebagai perantara dan titik pertemuan antara penderma, penggerak perubahan, dan penerima manfaat. Hal ini membolehkan *Sadaqa House* memberi sumbangan yang bermanfaat dan bermakna kepada masyarakat (Shafruddin dan Shahimi, 2024).

Kejayaan *Sadaqa House* ini antara lain kerana model struktural pendanaannya yang sangat komprehensif dan sistematik (rujuk rajah 3). Terdapat tiga komponen utama dalam model struktur pendanaan *Sadaqa House* iaitu sumber dana, pengurusan dana, dan pengagihan dana. Dari segi sumber dana, ia diperolehi melalui tiga saluran utama iaitu kutipan 5% daripada solat Jumaat, sumbangan daripada orang awam (individu dan institusi/syarikat), serta pendapatan tidak patuh syariah serta geran padanan daripada Bank Islam. Dana-dana ini kemudiannya diuruskan melalui tiga kategori - Dana Berterusan yang dilaburkan dan diuruskan oleh Bank Islam untuk menjana keuntungan, Dana Langsung yang disalurkan kepada projek-projek terpilih, dan Dana Am untuk penerima umum. Pengagihan dana pula dilaksanakan melalui dua saluran utama iaitu kepada penggerak perubahan yang menjalankan projek-projek khusus (dengan pembiayaan mikro yang akan dikembalikan kepada Dana Berterusan), serta kepada penerima am berdasarkan garis panduan CSR/zakat/pendapatan tidak patuh syariah. Kini, pengoperasian *Sadaqa House* telah berkembang merangkumi pembiayaan campuran (*blended finance*) melalui program iTEKAD, projek impak

sosial, dan inisiatif terhadap anak yatim. Jumlah pengeluaran dana telah meningkat daripada RM341,924 pada tahun 2019 kepada RM12,811,637 pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan ketara dalam skala operasi dan impak (BIMB, 2023).



RAJAH 3: STRUKTUR MODEL PENDANAAN SADAQA HOUSE

Sumber: Laporan Sadaqa House 2021

Pencapaian *Sadaqa House* boleh dilihat melalui pertumbuhan bilangan benefisiari daripada 34 orang pada tahun 2019 kepada 1,598 orang pada tahun 2023. Walaupun terdapat pengurangan berbanding tahun 2022 (10,545 benefisiari) disebabkan penyelarasan semula definisi dan pengukuran impak sosial berdasarkan Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 yang dikeluarkan oleh BNM, ia tetap menunjukkan impak yang signifikan kepada masyarakat (BIMB, 2023). Inisiatif utama *Sadaqa House* dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Pembangunan Usahawan (RM6,664,755 pada tahun 2023) dan Projek Impak Sosial (RM5,283,575 pada tahun 2023). Program seperti iTEKAD BangKIT dan iTEKAD Maju, menunjukkan fokus mereka dalam memperkasa ekonomi komuniti. Dalam aspek impak sosial, tumpuan diberikan kepada pemerikasaan komuniti, pendidikan, pemeliharaan alam sekitar, dan kesihatan. Jadual 2 menunjukkan pemetaan inisiatif *Sadaqa House*, penggerak perubahan dan teras VBI.

Dalam sektor pendidikan, *Sadaqa House* telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada golongan yang memerlukan melalui pelbagai inisiatif. Di bawah tema "*From Cradle to Graduation*", mereka memberikan fokus khusus kepada anak-anak yatim dengan menyediakan biasiswa pendidikan melalui kerjasama dengan PEYATIM di *Universiti College Bestari (UCB)* yang memanfaatkan 11 orang anak yatim dengan peruntukan RM93,704, serta program bantuan pendidikan bersama Yayasan Pembangunan Belia (*Youth Empowerment Foundation - YEF*) Malaysia yang membantu 60 orang anak yatim dan asnaf dengan peruntukan sejumlah RM384,819. Selain itu, *Sadaqa House* turut menyokong pendidikan profesional dengan menaja 26 pelajar kurang berkemampuan untuk mengikuti kelayakan ACCA melalui kerjasama dengan MyPAC dengan peruntukan sebanyak RM725,883. Komitmen dalam menyediakan prasarana pendidikan juga dapat dilihat melalui sumbangan sebanyak RM150,000 untuk kos sewa bangunan empat tingkat di Chow Kit yang memberi manfaat kepada 110 pelajar kurang berkemampuan, serta pembinaan dan pembaikan surau di sekolah-sekolah terpilih seperti

Sekolah Kebangsaan Sungai Jernih, Batu Kurau, Perak yang memanfaatkan 146 pelajar dengan kos RM50,000. *Sadaqa House* turut memberi bantuan kewangan kepada pelajar institusi pengajian tinggi yang terkesan akibat pandemik COVID-19, yang mana pada tahun 2022 sahaja sebanyak RM168,950 telah diagihkan kepada 90 pelajar daripada 16 buah universiti melalui kerjasama dengan *Brain For Future (BFF)* (BIMB, 2022). Keseluruhan inisiatif dalam sektor pendidikan ini menunjukkan pendekatan holistik *Sadaqa House* dalam memastikan akses kepada pendidikan berkualiti merentasi pelbagai peringkat dan keperluan.

Dalam sektor kesihatan pula, *Sadaqa House* memfokuskan bantuan mereka kepada pesakit pediatrik yang menghidap penyakit jantung kongenital melalui kerjasama strategik dengan Yayasan Institut Jantung Negara (IJN). Program ini telah berjaya membantu 55 orang pesakit kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan untuk menjalani pembedahan jantung dengan peruntukan sebanyak RM250,000 untuk kos operasi. Keprihatinan *Sadaqa House* tidak terhad kepada bantuan perubatan sahaja, malah turut merangkumi aspek kebajikan penjaga pesakit melalui program penajaan sahur dan iftar. Program ini telah memberi manfaat kepada seramai 136 penjaga kanak-kanak yang sedang mendapatkan rawatan di wad IJN dengan sumbangan bernilai RM27,200.

Sadaqa House menunjukkan komitmen yang jitu terhadap kelestarian alam sekitar melalui kerjasama strategik dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam projek-projek tenaga diperbaharui. Fokus utama adalah untuk memastikan komuniti luar bandar dan terpinggir mendapat akses kepada tenaga bersih dan mampan, seperti yang ditunjukkan melalui projek pemasangan sistem solar fotovoltai di kawasan penempatan orang asli. Dengan pelaburan terkumpul sebanyak RM394,000 sejak tahun 2018, projek ini telah memberi manfaat kepada 70 buah keluarga dengan menyediakan akses kepada bekalan elektrik 24 jam pada kos yang lebih rendah (BIMB, 2022). Inisiatif terbaharu pada tahun 2024 pula, BIMB bersama UTM memperkenalkan projek *Smart Eco-PV Boat* dengan peruntukan sejumlah RM101,895 yang akan membantu 21 orang nelayan mengurangkan penggunaan diesel melalui penggunaan teknologi solar dalam operasi bot mereka. Pendekatan inovatif ini bukan sahaja dapat mengurangkan kos operasi nelayan, malah turut menyumbang kepada pengurangan pencemaran alam sekitar.

Inisiatif utama *Sadaqa House* yang paling menonjol adalah dalam pembangunan komuniti dan pemerikasaan ekonomi. *Sadaqa House* memainkan peranan penting dalam pemerikasaan komuniti melalui program pembangunan usahawan mikro yang komprehensif dan tersusun. Melalui inisiatif pembiayaan mikro iTEKAD yang merangkumi iTEKAD BangKIT, iTEKAD Maju, dan program pembiayaan bercampur, organisasi ini telah berjaya membantu seramai 457 orang usahawan mikro dengan jumlah pembiayaan melebihi RM6.5 juta. Program ini bukan sekadar memberikan bantuan kewangan, tetapi turut menyediakan bimbingan perniagaan, latihan pengurusan kewangan, dan peluang pemasaran. Kejayaan program ini dapat dilihat melalui pencapaian 155 orang usahawan yang telah mencatatkan peningkatan mobiliti ke atas, dengan 41 usahawan mencapai Gred 1 (peningkatan kelayakan kredit) dan 114 usahawan mencapai Gred 2 (pertumbuhan perniagaan dan pendigitalan). Program ini juga memberi tumpuan khusus kepada usahawan wanita melalui kerjasama dengan pelbagai organisasi seperti Yayasan Sultanah Bahiyah, membuktikan komitmen *Sadaqa House* dalam memperkasakan usahawan dari pelbagai latar belakang di seluruh Malaysia.

Melalui rangkaian program pemerikasaan komuniti yang komprehensif, *Sadaqa House* telah mengembangkan impaknya melampaui sektor keusahawanan. Organisasi ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi termasuk program bantuan makanan di sekolah, sokongan institusi pendidikan, dan pembangunan infrastruktur komuniti. Mercy Mission Malaysia, sebagai contoh, telah menjadi penggerak kepada program “*Feed to Educate*” yang bertujuan membantu menangani isu kekurangan zat makanan dalam kalangan pelajar sekolah. Program ini bukan sekadar menyediakan bantuan makanan kepada 208 pelajar asnaf di empat buah sekolah dengan nilai bantuan sebanyak RM280,800, malah turut memperkukuh hubungan antara guru dan ibu bapa, sekali gus meningkatkan kadar kehadiran pelajar ke sekolah. Malah, di bawah program amal dan inisiatif CSR BIMB, seramai 197 orang asnaf telah menerima bantuan bernilai RM198,350 melalui program

Ramadan dan Syawal serta “*Back to School*”. Projek-projek inovatif seperti kerjasama dengan MyVista dalam penghasilan tangan prostetik 3D dan sokongan kepada EPIC Homes untuk pembinaan rumah bagi keluarga asnaf-Muslim orang asli di Kampung Orang Asli Serigala, Ulu Bernam, Selangor menunjukkan kesungguhan *Sadaqa House* dalam menangani keperluan komuniti secara holistik. Program-program ini telah memberi impak ketara, seperti yang dibuktikan melalui testimoni penerima bantuan, termasuk peningkatan kehadiran pelajar ke sekolah dan pemerkasaan golongan kurang bernasib baik.

Teras tadbir urus yang baik memainkan peranan penting dalam memastikan ketelusan dan keberkesanan pengurusan *Sadaqa House*. Seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Zikri,

...Sebab bila kita buat Sadaqa House ni, kita masukkan elemen-elemen corporate governance, jadi bila dalam report tu sebenarnya dah sufficient untuk bagi tahu kepada donors la. Apa yang telah dibuat, pengurusannya, dekat mana duit tu diletakkan, siapa yang menerima, berapa ramai yang menerima, impak daripada penerimaan dana...

Sadaqa House menggabungkan elemen-elemen tadbir urus korporat dalam operasinya bagi memastikan setiap sumbangan diurus dengan teliti dan dilaporkan secara sistematik kepada para penyumbang. Laporan-laporan yang dihasilkan bukan sahaja memperincikan pengagihan dana, tetapi juga menunjukkan dengan jelas siapa yang menerima bantuan, jumlah penerima, serta impak sosial yang dicapai. Melalui pendekatan ini, *Sadaqa House* bukan sahaja menambah keyakinan penyumbang terhadap pengurusan dana, tetapi juga menunjukkan komitmen BIMB terhadap prinsip tadbir urus yang baik dalam memastikan setiap sumbangan memberi manfaat secara berterusan dan signifikan kepada komuniti.

Pemetaan inisiatif *Sadaqa House* dengan teras utama VBI menunjukkan komitmen menyeluruh Bank Islam dalam mencapai impak sosial yang berkesan. Setiap inisiatif *Sadaqa House* bukan sahaja diselaraskan dengan matlamat untuk memperkasakan komuniti bahkan juga menepati elemen-elemen VBI seperti tadbir urus yang baik, tingkah laku terbaik, dan pemerkasaan ekonomi. Program seperti pembiayaan mikro iTEKAD, biasiswa pendidikan untuk anak yatim, serta kerjasama strategik dengan pelbagai penggerak perubahan seperti Yayasan Sultanah Bahiyah, dan MyVista mencerminkan keupayaan *Sadaqa House* dalam menggabungkan kepentingan sosial dan kemampuan ekonomi. Setiap inisiatif *Sadaqa House* dijelaskan dengan terperinci dalam laporan impak tahunan yang dikeluarkan menunjukkan komitmen mereka yang tinggi terhadap tadbir urus yang baik. Kepelbagaian penggerak perubahan yang terlibat pula, bermula dari institusi pendidikan hingga ke badan-badan kebajikan, memperlihatkan pendekatan kolaboratif yang mantap dalam mencapai objektif VBI. Seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Zikri,

...Sadaqa House ni sudah berada di tahun kelima... dia dah sampai masa kita dah banyak belajar daripada pengalaman-pengalaman yang lalu dari sudut model dia, dari sudut keberkesanan dia...

Pencapaian *Sadaqa House* dalam tempoh lima tahun ini menandakan permulaan yang kukuh bagi inisiatif ini dalam mentransformasi pendekatan filantropi dalam perbankan Islam. Melalui gabungan pelbagai dana, pengurusan yang teliti, dan sokongan penggerak perubahan yang berdedikasi, *Sadaqa House* telah membuktikan keberkesanannya dalam memperluas skop bantuan sosial dan memperkasakan golongan yang memerlukan. Malah, keunikan *Sadaqa House* ini ialah kerana perkhidmatan yang disediakan tidak terhad kepada orang Islam malahan juga bukan Islam, sama ada penderma atau penerima manfaat, selaras dengan persepsi BIMB tentang keperluan semua orang untuk mempunyai peluang yang sama rata (Abd Wahab *et al.*, 2023). Melalui empat sektor tumpuan utama iaitu pendidikan, kesihatan, pemeliharaan alam sekitar dan pemerkasaan komuniti, *Sadaqa House* telah berjaya mentransformasikan peranannya daripada sekadar platform pengumpulan dana kebajikan kepada sebuah institusi yang membawa impak sosial yang signifikan dan mampan. Projek-projek *Sadaqa House* ini telah menunjukkan impak yang positif kepada pembangunan ekonomi ummah melalui peningkatan kualiti kesihatan, pemerkasaan ekonomi yang membuka peluang pekerjaan, dan

penyediaan prasarana asas untuk kemajuan ekonomi setempat, yang akhirnya akan membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara (Hameed *et al.*, 2018). Pencapaian ini bukan sahaja memenuhi aspirasi asal penubuhan *Sadaqa House*, malah turut menjadi model rujukan dalam pelaksanaan inisiatif *VBI* di Malaysia, sekaligus membuktikan kejayaan BIMB dalam mengintegrasikan nilai-nilai Islam dengan pembangunan sosioekonomi mampan.

JADUAL 2: PEMETAAN INISIATIF SADAQA HOUSE, PENGGERAK PERUBAHAN DAN TERAS VBI

Sektor	Inisiatif	Penggerak Perubahan	VBI			
			Teras 1: Minda Keusahawanan	Teras 2: Pemeriksaan Komuniti	Teras 3: Tadbir Urus yang Baik	Teras 4: Tingkah Laku Terbaik
Pendidikan	Menaja kanak-kanak kurang berkemampuan mendapat pendidikan berkualiti.	Buku Jalanan Chow Kit (BJCK).		✓	✓	✓
	Membina atau membaiki pulih surau atau musala di sekolah-sekolah terpilih.	Pertubuhan Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-Sekolah Malaysia (PEKDIS).		✓	✓	✓
	Menawarkan bantuan kewangan kepada pelajar universiti yang kurang berkemampuan.	<i>Brain For Future</i> (BFF).		✓	✓	✓
	Menyediakan biasiswa pendidikan.	Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM).		✓	✓	✓
		Yayasan Pemberdayaan Belia (YEF).		✓	✓	✓
	Menyokong pendidikan professional (ACCA).	<i>Malaysia Professional Accountancy Centre</i> (MyPAC).		✓	✓	✓
	Membantu kanak-kanak berpenyakit jantung kongenital.	Yayasan Institut Jantung Negara (IJNF).		✓	✓	✓
Kesihatan	Menaja sahur dan iftar untuk penjaga pesakit.	Yayasan Institut Jantung Negara (IJNF).		✓	✓	✓

Alam Sekitar	Menyediakan tenaga elektrik untuk nelayan melalui program <i>Smart Eco-PV Boat</i> .	Universiti Teknologi Malaysia (UTM).	✓	✓	✓
	Menyediakan sistem tenaga solar bagi menjana elektrik di perkampungan orang asli terpilih.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM).	✓	✓	✓
Komuniti	Menghasilkan lengan prostetik 3D untuk kanak-kanak kurang upaya dari keluarga berpendapatan rendah.	<i>MyVista</i>	✓	✓	✓
	Menaja sebuah rumah untuk keluarga asnaf Muslim orang asli.	<i>EPIC Homes</i>	✓	✓	✓
	Memberikan bantuan makanan kepada keluarga yang dikenal pasti melalui program <i>Feed to Educate</i> .	<i>Mercy Mission Malaysia</i>	✓	✓	✓
	Menyediakan program pembangunan usahawan kecil wanita.	Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB)	✓	✓	✓
	Menyediakan pembiayaan mikro termasuk geran perniagaan BangKIT, iTEKAD, BangKIT, iTEKAD Maju, iTEKAD Jaya dan pembiayaan SME.	Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), SME Bank, CEDAR, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam	✓	✓	✓

	Wilayah Persekutuan (MAIWP).			
Menyediakan dana anak yatim <i>Sadaqa House</i> .	Yayasan OrphanCare, PEYATIM, YEF Malaysia.	✓	✓	✓

Sumber: Olahan penulis (2025)

Cabaran dan Penyelesaian diketengahkan BIMB dalam Pelaksanaan Sadaqa House

BIMB menghadapi beberapa cabaran signifikan dalam pelaksanaan inisiatif *Sadaqa House* sebagai komponen *VBI*. Hasil temu bual bersama pegawai BIMB, penulis telah mengenal pasti empat cabaran utama yang dihadapi sejak penubuhan program ini.

Pemikiran masyarakat yang skeptikal

Pada peringkat awal penubuhan *Sadaqa House* pada tahun 2018, BIMB telah berdepan dengan persepsi skeptikal segelintir masyarakat yang menyamakan inisiatif ini dengan platform kutipan amal biasa. Namun, perbezaan ketara antara *Sadaqa House* terletak pada penggunaan dana berterusan, yang dilihat sebagai penggerak perubahan dalam menyokong keberlangsungan sumbangan untuk tempoh jangka panjang. Berbanding dengan kutipan amal biasa yang sering menghadapi masalah dana yang hangus selepas digunakan, BIMB berhasrat agar *Sadaqa House* membawa impak yang berterusan. Pada awal pelaksanaannya, inisiatif ini diakui masih berada di tahap rendah. Namun, BIMB telah meneroka potensi besar *Sadaqa House* melalui kaedah yang berbeza untuk melakukan sesuatu sehingga kaedah yang paling berjaya dijumpai kerana keterbatasan penyelidikan dan masa. Walaupun menghadapi beberapa kegagalan, BIMB terus komited untuk menjadikan *Sadaqa House* sebagai platform yang mampu memberi impak positif jangka panjang, melangkaui aktiviti *CSR* tradisional yang bersifat sementara.

Kutipan dana yang terhad

Selain itu, antara cabaran utama yang dihadapi oleh BIMB ialah kutipan dana yang masih rendah. Menurut informan:

... Setakat Sadaqa House punya sumbangan tu masih lagi sedikit, berbanding dengan benda yang lain, berbanding dengan real economy, dan elemen lain lagi dalam VBI tu kan...Jadi, kita tak adalah tonjolkan Sadaqa House tu within big framework of the VBI scorecard...

Kurangnya promosi dan pendedahan awal kepada masyarakat menyebabkan *Sadaqa House* sukar untuk bersaing dengan platform kutipan amal lain seperti Ethis Group, Launchgood, dan pitchIN, yang mengenakan caj pengurusan antara 2% hingga 5% bagi menampung kos operasi dan promosi. Berbeza dengan platform-platform tersebut, *Sadaqa House* menyalurkan 100% sumbangan kepada penerima manfaat tanpa mengambil sebarang bayaran pengurusan. Walaupun pendekatan ini mencerminkan komitmen BIMB terhadap kebajikan penerima, namun ia telah membataskan keupayaan promosi dan pengembangan program. Oleh yang demikian, BIMB kini merancang untuk mendaftarkan *Sadaqa House* sebagai entiti berasingan bagi membolehkan pengembangan operasi yang lebih luas, termasuk pemerolehan aset dan pelaburan hartanah. Sebagai contoh, inisiatif wakaf Annur di Johor. Langkah ini diharap dapat memperluaskan lagi skop dan keberkesanan *Sadaqa House* dalam jangka masa panjang.

Komitmen penerima manfaat

Cabaran ketiga berkaitan dengan komitmen penerima manfaat dalam mengekalkan prestasi perniagaan selepas menerima bantuan dana terutama dalam kalangan usahawan yang terlibat dalam program BangKIT. Terdapat situasi yang mana penerima manfaat menganggap penyampaian maklumat mengenai prestasi perniagaan sebagai sesuatu yang tidak perlu dan bersifat peribadi. Sebagai contoh, Ustaz Zikri menyatakan:

...Eh itu aku punya rahsia la kan? Kenapa Bank Islam nak tahu? Sibuk...

Masalah seperti ini timbul apabila usahawan tidak memahami kepentingan pemantauan prestasi dan pelaporan yang bersistematik. BIMB menyedari bahawa mereka perlu memberi pendidikan kepada usahawan tentang kepentingan laporan dan maklumat kewangan dalam membantu perkembangan perniagaan mereka. Perkara utama yang ditekankan sebenarnya ialah penerima manfaat memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan perniagaan mereka agar hasilnya tidak terhenti di pertengahan jalan.

Berhubung dengan hal ini, Ustaz Zikri turut berkongsi pengalaman tentang terdapat salah seorang usahawan menunjukkan peningkatan ketara dalam tempoh tiga bulan pertama, namun perniagaannya merosot selepas itu. Setelah membuat lawatan kawasan dan menilai keadaan, BIMB mendapati bahawa kelemahan produk, seperti rasa makanan yang kurang memuaskan, merupakan faktor utama kemerosotan tersebut. Sebagai langkah penyelesaian, BIMB mengambil pendekatan berdasarkan kes (*case-to-case basis*), termasuk mencari pakar untuk membantu usahawan tersebut memperbaiki kualiti produk mereka. Pendekatan ini mencerminkan usaha BIMB dalam mencari penyelesaian berkesan bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh penerima manfaat, di samping menggalakkan mereka untuk terus komited terhadap perniagaan mereka. Hal ini juga menggambarkan usaha BIMB dalam memastikan keberkesanan dan ketelusan dalam pengurusan dana serta memupuk sikap bertanggungjawab dalam kalangan penerima manfaat.

Kerjasama penerima dana dalam penyediaan rekod perniagaan

Cabaran keempat melibatkan kesukaran mendapatkan kerjasama penerima dana dalam penyediaan rekod perniagaan yang bersistematik. Walaupun penerima dana pada awalnya menunjukkan komitmen dalam melaporkan perkembangan perniagaan, namun tahap kerjasama mereka sering merosot selepas beberapa tahun beroperasi. Kekurangan maklumat ini menyukarkan BIMB untuk menilai kemajuan perniagaan dan mengenal pasti sebarang masalah yang dihadapi. Oleh itu, bagi menangani cabaran ini, BIMB kini sedang membangunkan sebuah aplikasi yang membolehkan usahawan merekod jualan harian dan menghasilkan penyata kewangan secara automatik. Berhubung perkara ini Ustaz Zikri menjelaskan bahawa:

...Kita tengah nak onboard aplikasi supaya usahawan-usahawan kita dekat BangKIT tadi kan, dia tak payah nak isi borang untuk dihantar... dia boleh print satu financial statement...

Aplikasi ini juga akan dilengkapi dengan elemen *gamification* bagi memberi ganjaran kepada usahawan yang berjaya mencapai prestasi perniagaan memberangsangkan. Langkah ini bertujuan memotivasikan usahawan untuk terus berusaha dalam perniagaan mereka serta memastikan ketelusan dalam pemantauan prestasi.

Secara keseluruhannya, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh BIMB dalam pelaksanaan inisiatif *Sadaqa House* telah membuka ruang untuk penambahbaikan dan inovasi yang berterusan. Bermula daripada persepsi masyarakat yang skeptikal hingga kepada isu kutipan dana yang terhad, BIMB berjaya mengadaptasi pendekatan baharu untuk memastikan *Sadaqa House* kekal relevan dan berdaya saing. Cabaran berkaitan komitmen penerima manfaat dan penyediaan rekod perniagaan juga mencerminkan keperluan kepada pendidikan berterusan serta sistem sokongan yang lebih berkesan. Inisiatif seperti penggunaan teknologi melalui aplikasi pemantauan kewangan dan pendekatan berdasarkan kes menunjukkan kesungguhan BIMB dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul, sekali gus memastikan impak positif *Sadaqa House* dapat terus dinikmati oleh penerima manfaat dalam jangka panjang. Hal ini selaras dengan peranan institusi perbankan dalam mengukuhkan peranannya bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, tetapi juga sebagai pemangkin penyelesaian pembiayaan bagi menangani isu kemasyarakatan yang lebih luas (Shafruddin dan Shahimi, 2024). Kesimpulannya, meskipun BIMB menghadapi pelbagai cabaran, penyelesaian strategik yang diketengahkan membuktikan komitmen berterusan mereka dalam memperkasakan pelaksanaan *Sadaqa House* sebagai salah satu inisiatif VBI yang berkesan.

5. KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan *Sadaqa House* sebagai inisiatif utama VBI di BIMB serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Hasil kajian mendapati bahawa *Sadaqa House* telah memberi sumbangan penting dalam memperkasakan komuniti melalui pelbagai program sosial, termasuk pembiayaan mikro, pendidikan, kesihatan, dan kelestarian alam sekitar. Keberhasilan inisiatif ini disokong oleh pengurusan dana yang terancang, penglibatan penggerak perubahan, serta pendekatan kolaboratif yang menyeluruh. Namun, meskipun terdapat pelbagai cabaran seperti persepsi yang skeptikal daripada masyarakat, kutipan dana yang terhad, dan komitmen penerima manfaat dalam menguruskan perniagaan yang dibiayai, BIMB berjaya mengadaptasi strategi baharu yang lebih berkesan. Antara langkah yang telah diambil termasuk penggunaan teknologi dalam pemantauan kewangan serta penambahbaikan model pendanaan.

Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan jangka panjang inisiatif *Sadaqa House*, pengukuhan tadbir urus dan pengurusan dana yang telus merupakan faktor kritikal yang perlu diberikan perhatian serius. Selain itu, dapatan kajian ini juga mampu memberikan panduan kepada institusi kewangan untuk terus mengembangkan program VBI serta menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih inklusif. Walau bagaimanapun, kajian yang dilaksanakan ini terhad kepada inisiatif *Sadaqa House* yang dilaksanakan oleh BIMB sahaja. Oleh itu, kajian ini wajar diperluaskan lagi pada masa akan datang dengan melihat kepada kajian kes bagi pelaksanaan inisiatif VBI oleh institusi perbankan Islam yang lain di Malaysia. Hal ini bukan sahaja dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan inisiatif VBI dalam sektor perbankan Islam di Malaysia, malah ia juga membolehkan perbandingan dibuat bagi mengenal pasti amalan terbaik serta cabaran yang dihadapi oleh setiap institusi perbankan Islam yang ada di Malaysia. Dengan itu, kajian yang meluas tersebut dapat menjana input penting serta relevan yang dapat membantu memperkukuhkan lagi dasar dan garis panduan pelaksanaan inisiatif VBI dalam sektor perbankan Islam di Malaysia agar memberikan impak positif secara mampan terhadap pembangunan masyarakat, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada Ustaz Mohd Zikri Mohd Shairy, Penolong Pengurus Besar Bahagian Rangkuman Kewangan, BIMB (semasa sesi temu bual dilakukan) di atas kesudian beliau menyumbangkan buah fikiran bagi menjayakan kajian kes ini.

RUJUKAN

- Abd. Wahab, N., Nashwan, S. A., Chik, M. N., & Mohd Hussin, M. Y. (2023). Islamic social finance initiatives: an insight into Bank Islam Malaysia Berhad's innovative BangKIT microfinance product. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 15(1), 22–35.
- Abdul Kadir, A. H., Syed Alwi, S. F., Abd Halim, F., Mat Nor, N., & Saiful Fikri, A. A. H. (2024). Realisation of *maqasid al-Shariah* using value-based intermediation in Islamic banks: acceptance or refusal. *Management & Accounting Review/Management & Accounting Review*, 23(1), 40-55.
- AIBIM. (2022). *Value-Based Intermediation Full Report 2021: Dynamic Responsive Visible Effective Acknowledgement*. Retrieved from <https://aibim.com/contents/pages/value-based-intermediation/AIBIM-VBI-Full-Report-2021.pdf> (accessed on April 24, 2025).
- Bank Islam Malaysia Berhad. (2022). *Impact Report 2022*. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.
- Bank Islam Malaysia Berhad. (2023). *Impact Report 2023*. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.
- Bank Negara Malaysia. (2018a). *Value-based Intermediation: Strengthening the Roles and Impact of Islamic Finance*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2018b). *Implementation Guide for Value-based Intermediation*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

- Bank Negara Malaysia. (2019). *Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework Guidance Document*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan 2023*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Becker, S., & Bryman, A. (2004). *Understanding research for social policy and practice: themes, methods and approaches* (1st ed). Bristol: Policy Press.
- Engku Abdul Rahman, E. Z., Ismail, R. F., Zainon, S., & Adhariani, D. (2022). Impact measurement of value-based intermediation among Malaysian Islamic financial institutions. *Asia-Pacific Management Accounting Journal*, 17(3), 1–24.
- GABV. (2019, March 4). *Global Banking Leaders Commit to Align their Carbon Footprint with Paris Agreement - GABV - Global Alliance for Banking on Values*. GABV - Global Alliance for Banking on Values. Retrieved from <https://www.gabv.org/press-release/global-banking-leaders-commit-to-align-their-carbon-footprint-with-paris-agreement/> (accessed on April 24, 2025).
- Hameed, L. B. M., Muneeza, A., Mohd Dasar, M. H., Ismail, A. Y., & Mohamad Suhaimi, A. F. (2024). *SADAQA HOUSE: Inspiring 'Adl and Ihsan in The Realm of Islamic Banking*. Selangor: Penerbit Universiti Islam Selangor.
- Hameed, L. B. M., Suhaimi, A. F. M., & Jamaludin, N. I. (2018). Model SADAQA HOUSE: Menyantuni Kebajikan Ummah. *Proceedings of the 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018)*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan, 24 November 2018.
- Hassan, R., & Mohamad Nor, F. (2019). Value-based intermediation: an analysis from the perspective of Shariah and its objectives. *International Journal of Fiqh and Usul Fiqh Studies* 3(1), 81-89.
- IFAC. (2022, October 31). *Facilitating SDGs with Islamic Finance (Part 2) Value-Based Intermediation: Championing the Social Finance Agenda in Malaysia | IFAC*. Wwww.ifac.org. Retrieved from <https://www.ifac.org/knowledge-gateway/developing-accountancy-profession/discussion/facilitating-sdgs-islamic-finance-part-2-value-based-intermediation-championing-social-finance> (accessed on April 24, 2025).
- Ismail, A. Y., Hameed, L. B. M., Suhaimi, A. F. M., Jamaludin, N. I., & Shahimi, S. (2020). Value based intermediation and interconnection of sustainable development goals in Islamic banking framework. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 3(1). 45-56.
- Mahadi, N. F., Mohd Zain, N. R., & Engku Ali, E. R. A. (2019). Leading towards impactful Islamic social finance: Malaysian experience with the value-based intermediation approach. *Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization*. 2019(Special Issues), 69-87.
- Mahyudin, W. A., & Rosman, R. (2020). Value-based intermediation and realisation of *maqasid al-Shariah*: issues and challenges for Islamic banks In Malaysia. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance*, 5(2), 34–44.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Moghul, U. F., & Safar-Aly, S. H. K. (2014). Green sukuk: The introduction of Islam's environmental ethics to contemporary Islamic finance. *Georgetown International Environmental Law Review*, 27(1), 1e25.
- Nik Abdullah, N. A. I., & Haron, R. (2022). ESG reporting practices among Islamic banks: a global perspective. *IIUM Law Journal*, 30(S2), 01-36.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Ramli, N. M., & Muhamed, N. A. (2018). Adoption of Value-Based Intermediation through Integrated Reporting: Evidence from Islamic Banks in Malaysia. *6th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance (AICIF)*. Manila, Philippines: Mindanao State University, 14-15 November 2018.

- Relaño, F. (2011). Maximizing social return in the banking sector. *Corporate Governance: The International Journal of Business in Society*, 11(3), 274–284.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach* (3rd ed.). United Kingdom: John Wiley And Sons.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business: A Skill-building Approach* (6th ed.). United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Shafruddin, A. S., & Shahimi, S. (2024). Strategy and challenges of value-based intermediation implementation: the case of BIMB. *Qualitative Research in Financial Markets*, 17(1), 153-168.
- Shahimi, S., Alma'amun, S., Maliki, N. H. S., Shafruddin, A. S. & Zahari, S. A. (2023). *Perantaraan Berasaskan Nilai di Institusi Perbankan Islam Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Singhania, M., & Saini, N. (2021). Quantification of ESG Regulations: A Cross-Country Benchmarking Analysis. *Vision: The Journal of Business Perspective*, 26(2), 163-171.
- UNEP-FI. 2019. *Principles for Responsible Banking Guidance Document*. Geneva: UNEP Finance Initiative.
- Wang, N., Li, D., Cui, D., & Ma, X. (2022). Environmental, social, governance disclosure and corporate sustainable growth: Evidence from China. *Frontiers in Environmental Science*, 10(1015764.), 1-13.
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (5th ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications.